



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU|
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

13 JANUARI 2022 (KHAMIS)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EKRAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

13 JANUARI 2022 (KHAMIS)

Senarai Harga Barang Keperluan			
• Ayam	RM8.30	• Telur Gred A	RM12.45
• Daging Lembu Tempatan	RM40	• Ikan Kembung	RM16.99
• Daging Lembu Import	RM28	• Minyak Masak	RM6.38
		• Gula Pasir	RM2.85
		• Bawang Besar Holland	RM1.80
		• Bawang Putih	RM5.50
		• Cili Merah	RM8.89
		• Kubis Bulat Tempatan	RM2.79
		• Tepung Gandum	RM2.20

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHRAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(AGENSI KPDNHEP)**

13 JANUARI 2022 (KHAMIS)

SSEM serah sumbangan kepada usahawan B40

PETALING JAYA - Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) menyerahkan sumbangan berjumlah RM100,000 kepada usahawan B40 yang terkesan akibat pandemik Covid-19.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, sumbangan itu melibatkan sebanyak 200 usahawan dengan bantuan RM500 diterima oleh setiap seorang.

Inisiatif di bawah tanggungjawab sosial korporat (CSR) SSM itu merupakan pelengkap kepada inisiatif yang disalurkan

kepada usahawan asnaf sebelum ini melalui peruntukan wakalah zakat korporat SSM.

Tambah beliau, SSM turut menyahut seruan kerajaan di bawah konsep Keluarga Malaysia yang menyarankan agar semua pihak berganding bahu membantu dan menyumbang ke arah kesejahteraan rakyat.

"Sumbangan ini diharapkan dapat memberi kelegaan kepada golongan B40 untuk membina semula perniagaan yang terjejas akibat pandemik," katanya.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan bersempena

majlis pelancaran inisiatif CSR SSM itu baru-baru ini.

Alexander menjelaskan, dari 1 Januari hingga 31 Disember 2021, SSM telah mengagihkan wakalah zakat korporat sebanyak RM7,521,463 kepada golongan asnaf fakir miskin, muafak, gharimin, penerima agihan fisa-bilillah terdiri daripada masjid, surau, sekolah-sekolah dan hospital seluruh negara.

Selain itu, pengagihan peruntukan CSR bagi tempoh yang sama pula, SSM telah mengagihkan sebanyak RM424,039 kepada golongan yang memerlukan.



ALEXANDER (tiga dari kanan) menyerahkan replika cek bernilai RM100,000 kepada usahawan B40 di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Program Francais Mikro, khas peniaga B40,M40

Mampu menarik lebih
1,000 penyertaan,
dengan harapan
tingkatkan taraf hidup
golongan berkenaan

KUALA LUMPUR



Program Pembangunan fran-
cais Mikro Dan Mampu
Milik (F3M) yang di-
laksanakan menerusi

siri program Jelajah francais dan Program Latihan di seluruh negara, mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat setempat terutamanya dalam kalangan B40 dan M40.

Persatuan francais Malaysia (MFA) dalam satu kenyataan pada Rabu berkata, program anjuran pihaknya bersama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) itu bertujuan untuk menarik penglibatan lebih ramai golongan B40 dan M40 serta PKS menceburi bidang perniagaan francais.

Ketua Eksekutifnya, Ahmad Faizal Mohamed Noor berkata, siri jelajah dan program F3M di seluruh negara itu menyasarkan lebih 1,000 penyertaan daripada kalangan B40 dan M40 yang berminat untuk menceburi francais pada tahun ini.

"Dijangkakan sekurang-kurangnya 10 peratus daripada jumlah penyertaan tersebut akan menceburi perniagaan francais mikro dan mampu milik sekiranya lebih banyak dana dapat diperuntukkan oleh kerajaan.

"MFA optimis program ini akan melahirkan lebih ramai usahawan francais sebagaimana disasarkan selain membantu golongan B40 dan M40 meningkatkan taraf hidup me-

reka," katanya.

Ahmad Faizal berkata, memandangkan sambutan menggalakkan yang diterima sejak ia diperkenalkan tahun lalu pihaknya berharap kerajaan dapat memper-
timbang penambahn dana bagi program berkenaan untuk tahun 2022.

Menurutnya, sebanyak 11 siri program jelajah francais dirangka dilaksanakan di seluruh negara bermula 8 dan 9 Januari lalu di Perlis dan Pulau Pinang manakala destinasi terakhir akan diadakan di Sabah pada 25 Jun.

Beliau berkata, program jelajah tersebut bertujuan memberi kefahaman kepada masyarakat setempat mengenai peluang perniagaan francais yang boleh diterokai dan inisiatif kerajaan dalam membantu mereka menceburi perniagaan francais.

Selain itu, Program Latihan - Kursus Asas Perniagaan francais di bawah inisiatif program F3M yang dilaksanakan juga merupakan per-
sediaan kepada bakal usahawan francais untuk memahami dengan lebih jelas mengenai sistem perniagaan francais.

Maklumat lanjut berhubung Program Jelajah francais Mikro Dan Mampu Milik boleh didapati di www.mfa.org.my. - *Bernama*